

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2015

RUJUKAN : DR003

SOALAN:

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengawal pencemaran udara (seperti jerebu), pencemaran darat (seperti hampasan kilang Lynas, habuk-habuk ferro dan bauksit dari perlombongan) dan pencemaran sungai serta lautan (seperti hampasan Lynas dan habuk merah bauksit yang terdapat di daerah Kuantan dan persekitarannya).

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya bagi mencegah pencemaran ke atas alurair dan udara sentiasa memastikan punca-punca yang tertakluk di bawah AKAS 1974 mematuhi kehendak peruntukan perundangan yang berkenaan.

Di antara tindakan bagi mengatasi masalah alam sekitar, khususnya pencemaran air, sungai dan udara, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan Alam Sekitar adalah

- (a) memantau dan menguatkuasakan secara menyeluruh pengoperasian premis-premis dan juga projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).
- (b) Menjalankan penyiasatan dan pemantauan punca pencemaran secara terperinci serta penguatkuasaan yang tegas akan dijalankan terhadap punca-punca yang diadu, punca bermasalah dan berisiko tinggi serta memudaratkan orang awam khususnya punca-punca yang berpotensi menghasilkan bahan toksik dan berbahaya.
- (c) Melaksanakan aktiviti kawalan sendiri oleh industri sendiri melalui
 - (i) kaedah pemantauan prestasi alat kawalan pencemaran;
 - (ii) merekod dan pelaporan pemantauan pelepasan pencemaran secara *online*; dan

- (iii) mewajibkan orang yang berwibawa atau orang berkeelayakan bagi mengendalikan alat kawalan pencemaran di premis masing-masing mahu pun bagi projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah AKAS 1974.
- (d) Melaksanakan sistem pemantauan jarak jauh menerusi sistem telemetri, Sistem Pemantauan Pengeluaran Berterusan (*Continuous Emission Monitoring System*), Nota konsainan-elektronik (*E-Consignment Note*) dan Sistem Pemantauan Pelepasan Bulanan (*Monthly Discharge Monitoring System*) juga diwajibkan ke atas industri supaya semua punca-punca tersebut mematuhi AKAS 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.
- (e) Melaksanakan pemeriksaan susulan bagi menentusahkan pelaporan yang dikemukakan adalah berintegriti dan tepat dengan situasi yang berlaku di lapangan. Tindakan penguatkuasaan seperti amaran bertulis di lapangan (*field citation*), Notis Arahan, tawaran kompaun, penyitaan peralatan, perintah larangan operasi atau tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas mana-mana punca yang didapati tidak patuh.
- (f) Menyemak dan membuat pindaan-pindaan kepada peruntukan AKAS 1974 dan peraturan yang berkaitan sebagai penambahbaikan selaras dengan perkembangan semasa teknologi kawalan pencemaran dan kaedah pengurusan alam sekitar yang dinamik dan kompleks.
- (g) Menerbitkan pelbagai dokumen dan garis panduan serta menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar bagi meningkatkan

kefahaman pihak-pihak yang berkenaan ke arah pematuhan kepada kehendak perundangan alam sekitar yang berkuatkuasa.

- (g) Mempertingkat dan memperkemaskan program-program pemantauan kualiti alam sekitar yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi memenuhi keperluan untuk membuat keputusan.

Sekian, terima kasih.